




SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION



# LAPORAN TAHUNAN 2017

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Menggalakkan Persaingan, Melindungi Anda



# RASIONAL KULIT DEPAN



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan pada tahun 2011 dengan tujuan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 dan melindungi proses persaingan di Malaysia.

Roda Kemudi melambangkan bagaimana perusahaan mengemudi perniagaan mereka ke arah persaingan yang sihat dan adil manakala kompas adalah simbolik Suruhanjaya Persaingan sebagai penunjuk arah kepada perusahaan untuk mengamalkan amalan persaingan yang bebas dan adil di dalam pasaran komersial untuk kepentingan pengguna.

# KANDUNGAN

1. PERUTUSAN MENTERI	
2. PRAKATA PENGERUSI	
3. PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	
4. MAKLUMAT KORPORAT	
i. Pengenalan	10
ii. Visi dan Misi	10
iii. Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya di Bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713)	11
iv. Bidang Kuasa Akta Persaingan 2010 (Akta 712)	12
v. Larangan Utama di Bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712)	12
vi. Suruhanjaya Sebagai Badan Separa Kehakiman	14
vii. Jawatankuasa Kerja Suruhanjaya dan Jawatankuasa Khas	15
5. PENGURUSAN TERTINGGI	
i. Struktur Organisasi Pengurusan Suruhanjaya	17
ii. Anggota-anggota Suruhanjaya	18
iii. Pengarah dan Ketua Bahagian	24
6. PERISTIWA PENTING SEJAK PENUBUHAN	26
7. PENCAPAIAN UTAMA 2017	
i. Penyiasatan dan Penguatkuasaan	29
ii. Kajian Semula Pasaran dan Pengecualian Blok	32
iii. Program Advokasi	33
iv. Program Pembinaan Kapasiti Peringkat Antarabangsa	37
v. Mesyuarat Antarabangsa	42
vi. Lawatan Kerja ke MyCC	43
vii. Publisiti dan Perhubungan Awam	44
8. GALERI	46
9. PENYATA KEWANGAN	51

## PERUTUSAN MENTERI



**YB DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan

Dalam keadaan ketidakpastian global yang kian mencabar, Malaysia tetap kekal sebagai sebuah negara yang tetap kompetitif dan mampan dari segi ekonomi. Ini memperlihatkan keberkesanan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah dilancarkan telah berjaya mengangkat tahap efisiensi dan kompetitif negara.

'World Economic Forum's Global Competitiveness Report 2017' telah menyenaraikan Malaysia di tempat ke-23 daripada 137 negara dalam senarai Indeks Daya Saing Global pada fasa penilaian 2017-2018. Malaysia juga telah berada pada

kedudukan tangga ke-23 dalam senarai 'World Bank's Doing Business Report' bagi tahun 2017. Pencapaian ini merupakan hasil daripada transformasi ekonomi yang dilakukan oleh kerajaan, seperti memberikan tumpuan pada peranan sektor swasta dalam ekonomi serta menggalakkan program liberalisasi perdagangan dan perkhidmatan.

Akta Persaingan 2010 telah digubal pada tahun 2010 dan dikuatkuasakan pada awal tahun 2012. Akta Persaingan 2010 merupakan sebahagian daripada transformasi dan reformasi ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk



## **World Economic Forum's Global Competitiveness Report 2017' telah menyenaraikan Malaysia di tempat ke-23 daripada 137 negara dalam senarai Indeks Daya Saing Global pada fasa penilaian 2017-2018**



menghasilkan ekonomi yang berdaya saing serta mencapai taraf negara maju.

Sejajar dengan itu, Akta Suruhanjaya Persaingan juga digubal pada tahun 2010 bagi menubuhkan sebuah Suruhanjaya yang mampu memantau isu-isu persaingan di Malaysia.

Tujuan utama Akta Persaingan ini diwujudkan adalah untuk menggalakkan dan melindungi proses persaingan antara perusahaan di dalam pasaran. Persaingan mampu menghasilkan kecekapan dan inovasi. Ia menggalakkan firma mengambil inisiatif untuk meningkatkan tahap kecekapan dan inovasi bagi menghasilkan pelbagai produk dan perkhidmatan pada harga yang murah dan berkualiti. Undang-undang Persaingan ini merupakan salah satu langkah kerajaan untuk memastikan ekonomi negara tetap kekal berdaya saing serta bebas daripada amalan antipersaingan yang dapat membantutkan perkembangan ekonomi negara.

Jika dilihat dari satu aspek, kesedaran masih kurang dikalangan masyarakat terutamanya pemain industri dan pengguna tentang kewujudan undang-undang ini. Ia adalah kerana pelaksanaan

undang-undang persaingan merupakan suatu proses yang rumit dan memerlukan pertimbangan yang teliti untuk memastikan keberkesanan undang-undang ini. Namun begitu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah melaksanakan pelbagai siri program advokasi berimpak tinggi bagi mendidik orang awam terutamanya peniaga untuk mematuhi undang-undang persaingan ini.

Di satu sudut yang lain, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) adalah bertanggungjawab bagi memastikan para pengguna dilindungi dan pada masa yang sama memastikan perniagaan-perniagaan dapat beroperasi dengan efisien, inovatif dan kompetitif. Proses ini akan menjadi lengkap dengan pelaksanaan undang-undang persaingan yang sentiasa akan menjamin persekitaran perniagaan yang kondusif.

Berdasarkan kepentingan ini, Suruhanjaya Persaingan Malaysia akan terus diberikan mandat oleh Kerajaan bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang persaingan ini. Kerajaan melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia akan terus memastikan ekonomi negara kekal kukuh, adil dan selamat demi kebaikan perniagaan dan pengguna serta ekonomi secara keseluruhan.

## PRAKATA PENGERUSI



**YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY JUSOH**  
**Pengerusi**

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah melangkah jauh sejak ia ditubuhkan pada 1 April 2011. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran pelbagai pihak tentang peranan Suruhanjaya di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010) dalam mengekalkan pasaran yang adil. Suruhanjaya secara konsisten telah melaksanakan Pelan Hala Tuju Strategik 2017 merangkumi beberapa Indikator Pencapaian Utama berimpak tinggi yang melibatkan program dan kerjasama antarabangsa, kajian pasaran, program advokasi dan Sistem E-Pembelajaran Program Pematuhan Persaingan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Secara amnya, Perusahaan Kecil dan Sederhana membentuk kira-kira 90 peratus daripada jumlah entiti perniagaan di Malaysia. Melihat kepada perkembangan ini, kebanyakan aktiviti advokasi yang dijalankan pada tahun 2017 difokuskan untuk meningkatkan pemahaman PKS terhadap AP 2010. Suruhanjaya turut menyedari bahawa pematuhan secara sukarela terhadap Akta Persaingan 2010 oleh perusahaan adalah faktor utama yang menyumbang kepada persekitaran ekonomi yang kondusif. Oleh itu, Sistem E-Pembelajaran Program Pematuhan Persaingan untuk PKS telah dibangunkan dengan tujuan untuk mempromosikan

pematuhan kepada AP 2010 secara berterusan dan sukarela oleh perusahaan di Malaysia. Dua kajian semula pasaran mengenai farmaseutikal dan bahan binaan dalam sektor pembinaan di Malaysia telah selesai dijalankan. Objektif kajian ini adalah untuk memahami struktur pasaran industri, mengenal pasti sebarang aktiviti anti-persaingan yang berlaku dalam sesuatu industri dan untuk menilai amalan industri sedia ada yang mungkin mengehadkan persaingan sihat daripada berlaku.

Suruhanjaya turut memfokuskan usaha bagi menghasilkan lebih ramai pakar dalam bidang undang-undang persaingan di Malaysia. Matlamat ini disokong melalui penganjuran Pertandingan Mahkamah Moot kali ke-2 untuk 2017 yang melibatkan pelajar-pelajar Universiti di Malaysia.

Tahun 2017 juga menyaksikan Pelan Strategik Advokasi dan Komunikasi Suruhanjaya telah berjaya disempurnakan sepenuhnya. Inisiatif ini dirangka dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran mengenai Akta Persaingan 2010 di kalangan pihak berkepentingan, memperluaskan rangkaian dan kerjasama dengan pihak berkuasa yang relevan serta penjenamaan korporat yang holistik untuk Suruhanjaya di peringkat domestik dan antarabangsa.

Kejayaan penting juga telah dicapai oleh Suruhanjaya melalui aktiviti penguatkuasaan. Mengikut peruntukan di bawah AP 2010, beberapa perusahaan telah disiasat kerana disyaki terlibat dalam aktiviti anti-persaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan di Malaysia. Antara aktiviti penyiasatan yang dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti perjanjian penetapan harga oleh sekumpulan pengusaha pasir di empat jajahan dalam negeri Kelantan, penyalahgunaan kedudukan dominan oleh My E.G. Services Bhd. dan aktiviti penetapan harga oleh Prompt Dynamics Sdn. Bhd. Suruhanjaya sentiasa berusaha dengan penuh semangat bagi memastikan perusahaan di Malaysia bebas daripada elemen anti-persaingan.

Justeru itu, pada tahun 2017 Suruhanjaya memberi tumpuan untuk menentang aktiviti tipuan bida dan lain-lain jenis kartel sebagai salah satu usaha untuk memastikan kesaksamaan dan keadilan dalam pasaran komersial di Malaysia.

Saya amat yakin dan percaya bahawa Suruhanjaya akan mencapai kejayaan yang lebih besar pada tahun 2018. Melalui pelbagai inisiatif dan program yang dijalankan oleh Suruhanjaya, adalah diharapkan agar semua pihak berkepentingan di Malaysia semakin matang dalam memastikan pematuhan kepada undang-undang persaingan demi manfaat dan kemudahan kepada perusahaan serta pengguna.

## | PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**DATO' ABU SAMAH SHABUDIN**  
Ketua Pegawai Eksekutif

Akta Persaingan 2010 yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2012 adalah bertujuan untuk melindungi proses persaingan demi pembangunan ekonomi dan memberi perlindungan kepada pengguna dan perniagaan Malaysia. Persaingan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang seterusnya memberikan harga yang kompetitif, meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan serta mewujudkan lebih banyak pilihan untuk pengguna.

Program advokasi MyCC melibatkan pelbagai aktiviti dengan matlamat untuk

meningkatkan pemahaman persaingan dan manfaatnya kepada pengguna dan perusahaan. Advokasi adalah komponen penting dalam fungsi Suruhanjaya memandangkan perniagaan mungkin tidak sepenuhnya memahami manfaat undang-undang persaingan atau mungkin memiliki persepsi negatif terhadap penguatkuasaan persaingan. Sehubungan itu, Suruhanjaya melihat program advokasi sebagai salah satu bentuk inisiatif yang relevan bagi memupuk kesedaran terhadap Akta Persaingan 2010. Pelan Strategik MyCC untuk advokasi dan komunikasi 2015-2017 telah dirangka berdasarkan aspirasi ini dan pada tahun 2017 pencapaian yang

membanggakan telah direkodkan.

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah menganjurkan 27 program advokasi untuk pihak berkepentingan dalam sektor awam dan swasta serta menganjurkan Persidangan Persaingan Malaysia 2017 dan Persidangan Persaingan ASEAN ke-7. Suruhanjaya juga bekerjasama dengan agensi dan institusi kerajaan lain seperti Jabatan Perdana Menteri, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan Bahagian Pembangunan Francais, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dalam menganjurkan program yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap amalan persaingan yang adil.

Program advokasi lain termasuk mengadakan forum, seminar dan persidangan berkaitan isu persaingan, sesi perbincangan dengan badan Kehakiman, pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, Bank Negara, Majlis Peguam, institusi pengajian tinggi dan entiti perniagaan di beberapa negeri.

Pada bulan Mac 2017, Sistem e-Pembelajaran Pematuhan Persaingan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah dilancarkan. Sistem ini berfungsi sebagai portal sehenti bagi PKS untuk mengakses maklumat mengenai Akta Persaingan. Ia kemudiannya dibuka kepada orang ramai pada bulan Jun dan mula diperkenalkan kepada pihak berkepentingan lain di dalam pelbagai program advokasi dan bengkel yang dikendalikan oleh Suruhanjaya.

Sejak Januari 2012, Suruhanjaya telah menyelesaikan 362 daripada 403 aduan yang diterima daripada orang awam. Pada tahun 2017, permohonan pengecualian blok oleh Persatuan Pemilik Kapal Malaysia dan Persatuan Perkapalan Malaysia untuk Perjanjian Perkongsian Kapal dan Perjanjian Perbincangan Sukarela telah diluluskan untuk tempoh dua tahun. Persatuan Insurans Am Malaysia telah disiasat kerana melanggar peruntukan Akta sementara

siasatan juga telah dibuat terhadap kes penetapan harga oleh beberapa pengilang dan pembekal pasir di Kelantan.

Suruhanjaya terus memberi penekanan terhadap pembinaan kapasiti dan modal insan. Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam program pertukaran kakitangan dengan pihak berkuasa persaingan antarabangsa yang bermatlamat untuk memberi pendedahan yang lebih besar kepada pegawai Suruhanjaya dalam menangani isu persaingan. Program pertukaran tersebut telah diadakan dengan Suruhanjaya Perdagangan New Zealand, Komisi Pengawas Persaingan Usaha Indonesia dan Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia. Suruhanjaya akan terus mengambil bahagian dalam program pertukaran dengan pihak berkuasa persaingan lain pada tahun 2018.

Penghujung tahun 2017 menyaksikan beberapa pertukaran anggota Suruhanjaya selepas pelantikan anggota baru oleh kerajaan. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya ingin mengucapkan terima kasih kepada mantan Pengurus, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, dan semua Anggota Suruhanjaya untuk komitmen dan sumbangan yang dicurahkan mereka semasa dalam tempoh perkhidmatan. Ucapan terima kasih turut dipanjangkan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Dato' Seri Hamzah Zainudin atas sokongan berterusannya terhadap Suruhanjaya. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak pengurusan dan kakitangan Suruhanjaya atas dedikasi dan komitmen mereka dalam menjalankan tugas.


Bergerak ke tahun baru, Suruhanjaya akan tetap komited untuk memastikan persaingan perniagaan yang adil demi kepentingan pengguna.

## PENGENALAN

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan pada 1 April 2011 untuk menguatkuasa Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Akta ini telah digubal untuk menggalakkan pembangunan ekonomi yang mampu dengan menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan serta perusahaan yang berdaya saing. Ini seterusnya akan menghasilkan harga yang kompetitif, produk yang berkualiti dan pilihan yang lebih luas kepada pengguna dan seterusnya melindungi kepentingan mereka.

### VISI

Menjadi pihak berkuasa yang menerajui persaingan di Malaysia.



### MISI

Melaksanakan mandat kami secara efisien dan efektif, dengan komitmen untuk memastikan budaya persaingan yang kondusif bagi menyediakan pasaran yang baik untuk pengguna, peniaga dan ekonomi.

## FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PERSAINGAN 2010 (AKTA 713)

### FUNGSI (SEKSYEN 16)

- Menasihati Menteri, pihak kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa awam bagi semua perkara yang berkaitan dengan persaingan;
- Menguatkuasakan perundangan persaingan melalui penyiasatan, kajian pasaran dan mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan; dan
- Mendidik orang awam, perusahaan dan pihak berkepentingan tentang manfaat persaingan kepada ekonomi secara keseluruhannya.

### KUASA (SEKSYEN 17)

- Mengenakan penalti bagi pelanggaran peruntukan undang-undang persaingan;
- Mengenakan fi atau caj terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya;
- Melaksanakan program bagi melaksanakan fungsi Suruhanjaya;
- Bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi Suruhanjaya; dan
- Pemberian maklumat oleh perusahaan bagi membantu Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya.

## BIDANG KUASA AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712)

Bidang kuasa Akta Persaingan 2010 adalah berkaitan segala aktiviti-aktiviti komersial di dalam dan luar negara yang mempunyai kesan terhadap persaingan pasaran di Malaysia.

Aktiviti-aktiviti yang dikecualikan dan tidak tertakluk di bawah bidang kuasa Akta Persaingan 2010 adalah:

- Aktiviti yang melibatkan penjalanan kuasa kerajaan;
- Aktiviti yang dijalankan berdasarkan prinsip perpaduan;
- Pembelian barang atau perkhidmatan yang tidak bertujuan untuk dijual semula atau pembekalan semula;
- Perjanjian atau kelakuan yang mematuhi undang-undang;
- Tawar-menawar secara kolektif atau perjanjian bersama di antara majikan dan kesatuan sekerja bagi pihak warga kerja; dan
- Perkhidmatan yang melibatkan kepentingan ekonomi umum, meliputi kemudahan awam, atau yang mempunyai ciri-ciri monopolii yang menghasilkan pulangan.

Akta Persaingan 2010 juga tidak meliputi aktiviti-aktiviti komersial yang dikawal selia oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, Akta Pembangunan Petroleum 1974, Peraturan-Peraturan Petroleum 1974 dan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

## LARANGAN UTAMA DI BAWAH AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712)

Akta Persaingan 2010 (Akta 712) mlarang perusahaan daripada terlibat dalam dua bentuk perilaku:

### PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN (SEKSYEN 4)

Sebarang perjanjian antara perusahaan sama ada bertulis ataupun tidak, di mana perjanjian tersebut dipersetujui dengan matlamat atau kesan yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

Perjanjian anti-persaingan boleh berlaku secara terbuka atau rahsia (contohnya kartel) di mana perusahaan secara kolektif bersetuju untuk tidak bersaing atau bekerjasama dengan pesaing melalui satu pakatan bagi mengurangkan persaingan dan menghalang kuasa pasaran.

### PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN (SEKSYEN 10)

Suatu perusahaan sama ada secara sendirian atau kolektif dalam suatu pasaran barang atau perkhidmatan yang mempunyai kuasa pasaran signifikan lebih daripada 60% akan dianggap sebagai mempunyai kedudukan dominan dalam pasaran tersebut.

Perusahaan yang berkedudukan dominan dalam suatu pasaran bukan merupakan satu salah laku yang melanggar undang-undang kecuali perusahaan berkedudukan dominan tersebut telah menyalahgunakan kedudukan dominan sehingga berupaya menyekat persaingan perusahaan yang lain dalam pasaran yang sama dan memudaratkan pengguna.

## CONTOH PELANGGARAN DI BAWAH AKTA 712

### AMALAN ANTI-PERSAINGAN

#### PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN (SEKSYEN 4)

- ▶ Penetapan harga
- ▶ Berkongsi pasaran
- ▶ Perjanjian eksklusif
- ▶ Tipuan bida
- ▶ Membatas atau mengawal
- ▶ Penyelarasan harga jualan semula

#### PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN (SEKSYEN 10)

- ▶ Mengenakan syarat berbeza
- ▶ Harga atau syarat tidak adil
- ▶ Berkelakuan seakan pemangsa
- ▶ Enggan untuk membekalkan
- ▶ Membeli barang atau sumber yang terhad
- ▶ Jualan terikat

## PENALTI KEWANGAN

Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran terhadap larangan pada Akta 712, sesuatu perusahaan itu boleh dikenakan penalti kewangan sebanyak maksimum 10% daripada pusing ganti seluruh dunia serta arahan-arahan lain yang akan menghentikan pelanggaran.

## **SURUHANJAYA SEBAGAI BADAN SEPARA KEHAKIMAN**

**MENJALANKAN SIASATAN**

**MEMBUAT KEPUTUSAN**

**MENGUATKUASA KEPUTUSAN**

### **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan pada 1 April 2011 dengan tujuan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 dan melindungi proses persaingan di Malaysia.

## JAWATANKUASA KERJA SURUHANJAYA

Suruhanjaya telah menubuhkan sembilan jawatankuasa kerja untuk membantu serta melaksanakan fungsi utamanya. Anggota Suruhanjaya mengetuai setiap jawatankuasa kerja, bersama dengan wakil-wakil daripada sektor awam dan swasta yang berkaitan.

Jawatankuasa Kewangan dan Pentadbiran;

Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia;

Jawatankuasa Advokasi dan Komunikasi;

Jawatankuasa Garis Panduan;

Jawatankuasa Audit;

Jawatankuasa Ekonomi;

Jawatankuasa Penguatkuasaan;

Jawatankuasa Tata tertib; dan

Jawatankuasa Rayuan Tata tertib

## JAWATANKUASA KHAS

Mesyuarat Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan dianggotai oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya daripada sektor-sektor lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Sekuriti (SC), dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).


Mesyuarat diadakan sebanyak dua kali setahun bagi membincangkan pelbagai isu-isu yang melibatkan persaingan dalam pasaran di pelbagai sektor termasuk telekomunikasi, pengangkutan awam darat, kewangan, bekalan tenaga elektrik, air dan penerbangan.



# PENGURUSAN TERTINGGI



# PENGURUSAN EKSEKUTIF DAN STRUKTUR ORGANISASI



## ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA

Mohd Hassan Ahmad

Dato' Jagjit Singh Bant Singh



Dr. Nasarudin Abdul Rahman

Datin Seri Ruzaina Wan Haniff



## ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA

Suruhanjaya Persaingan terdiri daripada seorang pengurus, empat orang anggota yang mewakili kerajaan dan lima orang anggota lain yang mewakili sektor swasta. Kesemua anggota, termasuk pengurus, dilantik oleh Perdana Menteri berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Anggota-anggota Suruhanjaya dilantik untuk tempoh satu penggal (tiga tahun) dan boleh dilantik semula selagi pelantikan tidak melebihi dua penggal berturut-turut.

Secara keseluruhannya, anggota-anggota Suruhanjaya mewakili bidang undang-undang, ekonomi, industri, pentadbiran awam, perniagaan, perdagangan, persaingan dan perlindungan pengguna.

### **DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY JUSOH PENGURUSI**

Datuk Che Mohamad Zulkifly dilantik sebagai pengurus Suruhanjaya pada 1 April 2017. Beliau adalah bekas Hakim dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia selama 28 tahun dalam pelbagai jawatan termasuk Penolong Kanan Pendaftar, Timbalan Pendakwa Raya, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi dan Hakim Mahkamah Sesyen. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1985 sebagai majistret di Mahkamah Majistret Pasir Puteh, Kelantan. Beliau merupakan Pengarah Mahkamah Negeri Terengganu pada tahun 2009 - 2010 dan telah menamatkan perkhidmatan beliau sewaktu menjadi Hakim Mahkamah Sesyen (Jenayah Komersial) di Kuala Lumpur yang disandang sejak 2011 sehingga 2013. Datuk Che Mohamad Zulkifly bersara pada tahun 2013 untuk bertanding ke Parlimen dan telah dilantik sebagai Ahli Parlimen Setiu sejak 2013 hingga kini.

### **DATO' BASARUDDIN SADALI**

Dato' Basaruddin Sadali adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti Syracuse, New York, Amerika Syarikat

Dato' Basaruddin mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran dan pengurusan. Antara jawatan penting yang pernah disandang oleh beliau adalah sebagai pengarah Bahagian Remunerasi (2009) dan pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi (2010) di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Pada tahun 2013, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Francais dan Kepenggunaan) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Dato' Basaruddin dilantik sebagai anggota Suruhanjaya pada 4 Januari 2016.

## DATIN SERI RUZAINA WAN HANIFF

Datin Seri Ruzaina memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana dalam Hubungan Antarabangsa (Undang-undang Antarabangsa) dari Universiti Waseda, Tokyo, Jepun. Beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1997 dan memulakan kerjayanya di Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan pada tahun 1985 di mana beliau memegang pelbagai jawatan semasa tempoh perkhidmatannya.

Sebelum mengambil persaraan pilihan pada tahun 2010, Datin Seri Ruzaina memegang jawatan Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang di Dewan Rakyat dan sebagai Ketua Unit di Bahagian Penggubalan, Jabatan Peguam Negara selama lima tahun. Pengalamannya yang luas dalam penggubalan undang-undang telah dipertingkatkan dengan penyertaannya di pelbagai kursus dan persidangan penggubalan di dalam dan di luar negara. Beliau telah memberikan syarahan mengenai pelbagai topik perundangan, dari undang-undang subsidiari kepada akta baru.

## DATO' JAGJIT SINGH BANT SINGH

Dato' Jagjit adalah rakan pendiri firma guaman Jagjit Ariff & Co. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Undang-Undang dengan Merit (Undang-Undang Komersial dan Korporat - Harta Intelek) dari King's College, Universiti London. Kepakaran beliau adalah dalam bidang undang-undang, aspek praktikal dan prosedur mengenai harta intelek.

Dato' Jagjit Singh adalah bekas Hakim dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia selama 28 tahun dalam pelbagai jawatan termasuk Peguam Kanan Persekutuan, Timbalan Perbendaharaan Peguamcara, Penasihat Undang-Undang kepada Kementerian Kesihatan, Timbalan Pendakwa Raya dan Penolong Kanan Penggubal Parlimen. Dato' Jagjit juga berkhidmat sebagai ahli Pasukan Petugas Hak Cipta, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun 1999 – 2001, Panel Pakar bagi Pusat Keselamatan dan Tindak balas Kecemasan ICT Negara dari 2001 hingga 2003. Beliau juga berkhidmat sebagai penasihat undang-undang kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat pada Rang Undang-Undang Kanun Kesejahteraan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2004.

Beliau adalah pengarang 'The Practical Approach to the Enforcement of Intellectual Property Rights' dan mengarang bersama 'Civil Trials Guidebook'.

## DATIN TAY LEE LY

Datin Tay telah menjadi pengamal undang-undang selama lebih dari 20 tahun termasuk berkhidmat sebagai pengurus Mahkamah Perindustrian pada 2010 ke 2013. Beliau kini adalah Penasihat Undang-Undang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sejak tahun 2013 dan pernah menjadi Penasihat Undang-undang untuk kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Kementerian Kerja Raya.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dalam Pengajian Undang-undang Antarabangsa dari Universiti Nottingham, Malaysia. Beliau memulakan perkhidmatannya dalam kerajaan sejak tahun 1989 sebagai pegawai undang-undang dan berkhidmat sebagai majistret di Mahkamah Petaling Jaya pada tahun 1992. Beliau memegang pelbagai jawatan semasa berkhidmat di Jabatan Peguam Negara kebanyakannya di Bahagian Penasihat, Bahagian Gubalan serta Bahagian Pendakwaan. Datin Tay menerima tiga kali anugerah perkhidmatan cemerlang dalam tempoh kerjayanya di perkhidmatan awam.

## **DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID**

Dato' Nik Azman berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya dan Sarjana Ekonomi dari Universiti Nebraska-Lincoln, Amerika Syarikat. Beliau sedang berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Nik Azman mengkhusus dalam analisis ekonomi dan peramalan, pengurusan kewangan awam dan belanjawan serta pembangunan ekonomi. Semasa berkhidmat di Kementerian Kewangan, tanggungjawabnya termasuk analisis ekonomi, pengurusan hutang dan belanjawan. Beliau pernah dipinjamkan ke Bank Dunia di Washington D.C. sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Tugas Khas.

Dato' Nik Azman terlibat dalam pelan pembangunan serantau dan penyediaan belanjawan pembangunan bagi Rancangan Malaysia Kesembilan. Beliau juga merupakan Ketua Sekretariat RMK10 selain menyiapkan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Beliau adalah ahli Lembaga Pengarah KEJORA (Lembaga Kemajuan Johor Tenggara), dan UDA Holdings Berhad serta merupakan ahli majlis bagi Majlis Amanah Rakyat (MARA).

## **DR NASARUDIN ABDUL RAHMAN**

Dr Nasarudin, telah dilantik sebagai anggota Suruhanjaya pada 1 Oktober 2017. Beliau adalah penolong profesor di Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) pada 2002 dan Sarjana Undang-Undang Perbandingan pada 2008 dari UIAM. Beliau memperolehi Ph.D dari Macquarie University of Sydney, Australia dalam bidang dasar dan undang-undang persaingan Malaysia.

Dr Nasarudin adalah pengarang buku bertajuk Competition Law in Malaysia (diterbitkan oleh Thomson Reuters) dan juga telah menerbitkan banyak artikel yang berkaitan dengan undang-undang dan dasar persaingan Malaysia. Sebelum menyertai UIAM, beliau adalah peguam bela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Kini, Dr Nasarudin mengajar undang-undang syarikat di peringkat Sarjana Muda dan bidang minatnya adalah dasar dan undang-undang persaingan, hubungan perindustrian dan perbankan Islam.

## **PROFESOR DR SAADIAH MOHAMAD**

Profesor Dr Saadiah adalah Profesor Ekonomi di Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Sebelum itu, beliau merupakan Timbalan Dekan (Hubungan Industri dan Masyarakat) di fakulti berkenaan.

Profesor Saadiah menerima Ijazah Sarjana Muda (Perancangan Bandar dan Desa) dari Universiti Manchester (UK), Ijazah Sarjana (Ekonomi) dari Universiti Missouri, Amerika Syarikat dan Ph.D (Ekonomi) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau merupakan felo pelawat penyelidikan di Pusat Pengajian Islam Oxford, Universiti Oxford pada tahun 2015-2016. Kajian penyelidikan beliau yang lain termasuk penyiaran di Bank Dunia pada tahun 2001, Bank Negara pada tahun 2007 dan Institut Kewangan Asia pada 2010 - 2011. Beliau telah menerbitkan lebih daripada 70 kertas akademik dalam bidang ekonomi, kewangan Islam dan sosial.

Profesor Saadiah merupakan pengarah pertama Forum Ekonomi Islam Dunia WIEF-Uitm International Centre. Beliau adalah ahli jawatankuasa eksekutif Persatuan Ekonomi Malaysia selama enam penggal berturut-turut (2004 - 2015) dan setiausaha kehormat kepada persatuan (2014-2015). Profesor Saadiah kini adalah ahli Jawatankuasa Eksekutif Majlis Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa.

## **MOHD HASSAN AHMAD**

Encik Mohd Hassan kini adalah Timbalan Setiausaha Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Sydney, Australia.

Beliau dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan telah ditempatkan di Kementerian Kewangan sejak tahun 2000 sehingga kini. Beliau telah memegang pelbagai jawatan sepanjang perkhidmatan beliau di kementerian berkenaan termasuk sebagai Ketua Seksyen dalam Bahagian Fiskal dan Ekonomi.

## PENGARAH DAN KETUA BAHAGIAN



**ISKANDAR ISMAIL**  
BAHAGIAN  
PENGUATKUASAAN



**AYUDA SARI ISMAIL**  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
STRATEGIK DAN HUBUNGAN  
ANTARABANGSA



**DHARLIZA DRIS**  
BAHAGIAN  
UNDANG-UNDANG



**HAMIDUN ABDULLAH**  
BAHAGIAN KHIDMAT  
PENGURUSAN



**HJH JUNAIDAH MOHD SHAZILLI**  
BAHAGIAN PERNIAGAAN DAN  
EKONOMI



**NOORLIZA ABDUL LATIFF**  
BAHAGIAN HAL EHWAH KORPORAT



# PERISTIWA PENTING

## PERISTIWA PENTING SEJAK PENUBUHAN

**2010**

- 2 Apr** : Dasar dan Rang Undang-undang baharu diluluskan.  
**2 Jun** : Akta Persaingan 2010 menerima Perkenan Diraja.  
**10 Jun** : Akta Persaingan 2010 diwartakan.

**2011**

- 1 Apr** : Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan dan mula beroperasi.

**2012**

- 1 Jan** : Akta Persaingan 2010 mula berkuatkuasa.  
**2 Mei** : Garis panduan tentang Prosedur Aduan, Definisi Pasaran dan Larangan (Perjanjian Anti-Persaingan) diterbitkan  
**16 Jul** : Pelancaran buku panduan Suruhanjaya diterbitkan. Kajian Semula Pasaran daging ayam tempatan dijalankan.  
**26 Jul** : Garis Panduan tentang Larangan (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan) diterbitkan.  
**24 Okt** : Keputusan yang dicadangkan terhadap Cameron Highlands Floriculturist Association kerana melanggar Seksyen 4(2) AP 2010 dikeluarkan.  
**6 Dis** : Keputusan muktamad dikeluarkan terhadap Cameron Highlands Floriculturist Association.  
**12 Dis** : Program Geran Penyelidikan (RGP) MyCC diperkenalkan.

**2013**

- 17 Jan** : Pembukaan rasmi ibu pejabat MyCC di KL Sentral  
**Jul** : MyCC melengkapkan Kajian Semula Pasaran mengenai penetapan harga oleh badan-badan profesional di Malaysia. Kajian Garis Dasar tentang tahap kesedaran AP 2010 dilaksanakan oleh Suruhanjaya.  
**2 Sept** : Pelancaran 'Akta Persaingan 2010: Panduan untuk Perniagaan'  
**6 Sept** : Keputusan yang dicadangkan terhadap Malaysia Airlines Berhad dan AirAsia kerana perkongsian pasaran yang melanggar Seksyen 4(2)(b) dikeluarkan.  
**20 Sept** : Langkah interim dikeluarkan terhadap Persatuan Lori Pan-Malaysia (PMLOA) kerana penetapan harga.  
**25 Sept** : Pelancaran 'Akta Persaingan 2010: Garis Panduan Pematuhan'  
**25-26 Sept** : Persidangan Undang-undang Persaingan yang pertama diadakan  
**1 Nov** : Keputusan yang dicadangkan terhadap Megasteel Sdn Bhd kerana penyalahgunaan kedudukan dominan dikeluarkan.

**2014**

- 20 Feb** : Keputusan yang dicadangkan terhadap pengeluar-pengeluar ais
- 21 Mac** : Suruhanjaya melengkapkan Kajian Semula Pasaran mengenai daging ayam tempatan.
- 31 Mac** : Keputusan muktamad dikeluarkan terhadap Malaysia Airlines, AirAsia dan AirAsia X. Mereka didenda 20 juta.
- 7 Mei** : Suruhanjaya menerima Aku Janji daripada Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA)
- 23 Jun** : 'Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam' dan 'Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida' diterbitkan.
- 30 Sept** : Keputusan yang dicadangkan terhadap Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu (SCBA)
- 1 Okt** : Suruhanjaya menerima Aku Janji daripada Giga Shipping Sdn. Bhd. (Giga Shipping) and Nexus Mega Carriers Sdn. Bhd. (Nexus Mega)
- 16 Okt** : Garis Panduan Penalti Kewangan dan Regim Kelonggaran diterbitkan.

**2015**

- 30 Jan** : Keputusan muktamad dikeluarkan terhadap 24 Pengeluar-Pengeluar Ais kerana melanggar Seksyen 4(2)(a), AP 2010.
- 12 Feb** : Keputusan muktamad dikeluarkan terhadap Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu kerana melanggar Seksyen 4(2)(a), AP 2010.
- 19 Jun** : Keputusan yang dicadangkan terhadap lima Pengendali Depoh Kontena kerana melakukan penetapan harga yang melanggar Seksyen 4(1), AP 2010 dikeluarkan.
- 4 Ogos** : Suruhanjaya memberi amaran kepada Persatuan-persatuan Penjagaan Bayi dan Kanak-Kanak dan Tadika di seluruh Malaysia berkenaan penetapan skala yuran.
- 6 Okt** : Keputusan yang dicadangkan terhadap MyEG Services Berhad kerana penyalahgunaan kedudukan dominan yang melanggar Seksyen 10, AP 2010 dikeluarkan.
- 12 Okt** : Suruhanjaya menerima Aku Janji daripada Malaysia Heavy Construction Equipment Owners Association (MHCUOA)
- 27 Nov** : MyCC menandatangani enam Memorandum Persefahaman dengan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan lima Institut Pengajian Tinggi

**2016**

- 2 Jun** : Keputusan akhir dikeluarkan terhadap Containerchain (M) Sdn Bhd dan empat pengendali depoh kontena di Pulau Pinang kerana melanggar Seksyen 4(1), AP 2010
- 24 Jun** : Keputusan akhir terhadap MyEG Services Berhad dikeluarkan kerana melanggar Seksyen 10(2)(d)(iii), AP 2010
- 30 Jun** : Suruhanjaya menerima Aku Janji daripada Containerchain Malaysia Sdn. Bhd.

**2017**

- 22 Feb** : Keputusan yang dicadangkan dikeluarkan terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya kerana disyaki terlibat dengan perjanjian anti-persaingan.
- 3 Mac** : Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) menolak rayuan Prompt Dynamics Sdn Bhd berkenaan kegiatan kartel
- 6-7 Mac** : Suruhanjaya telah menganjurkan Persidangan Persaingan Malaysia 2017 Competition Law: Breaking Norms, Managing Change.
- 25 Sep** : Suruhanjaya menerima Aku Janji daripada 13 Pengusaha-Pengusaha Pasir di Kelantan kerana pelanggaran Seksyen 4(2)(a) AP 2010.
- 27 Dis** : Suruhanjaya melengkapkan Kajian Semula Pasaran mengenai sektor farmaseutikal dan bahan binaan dalam industri pembinaan di bawah Akta Persaingan 2010.
- 28 Dis** : Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) menolak rayuan MyEG Services Berhad dan MyEG Commerce Bhd terhadap keputusan Suruhanjaya.



# PENCAPAIAN UTAMA



## PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Akta Persaingan 2010 memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap syarikat yang terlibat di dalam amalan anti-persaingan. Suruhanjaya boleh menyiasat perusahaan, pesaing, pembekal, pelanggan, individu serta mana-mana pihak yang disyaki terlibat dalam amalan anti-persaingan atau penyalahgunaan kedudukan dominan.

Penyiasatan boleh dilakukan oleh Suruhanjaya jika diarahkan oleh Menteri atau apabila disyaki terdapat pelanggaran AP 2010 oleh sesuatu perusahaan dan jika terdapat sebarang aduan daripada orang awam.

### GAMBARAN PROSEDUR PENGUATKUASAAN



## Kegiatan Penguatkuasaan Yang Telah Dijalankan Oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah menjalankan beberapa penyiasatan di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010).

Berikut adalah rumusan hasil penyiasatan:

### Keputusan yang dicadangkan (Seksyen 36)

Pada 22 Februari 2017, Suruhanjaya telah mengeluarkan satu (1) Keputusan yang dicadangkan (Proposed Decision) di bawah seksyen 36 AP 2010 terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya kerana telah melanggar seksyen 4(2) AP 2010 dengan menetapkan diskain dagangan bagi alat ganti kenderaan serta upah kerja bagi bengkel-bengkel di bawah Skim Bengkel Pembaikan yang diluluskan oleh PIAM. Jumlah keseluruhan penalti yang dicadangkan adalah sebanyak RM 213,454,814.00.

### Dapatkan Tiada Pelanggaran (Seksyen 39)

Suruhanjaya yang telah mengeluarkan notis daptan tiada pelanggaran terhadap kes seperti di bawah:

- Dongwha Fibreboard Sdn. Bhd. dan Evergreen Fibreboard Sdn. Bhd.**

Suruhanjaya telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap Dongwha Fibreboard Sdn. Bhd. dan Evergreen Fibreboard Sdn. Bhd. pada 7 Februari 2017. Perusahaan tersebut disyaki telah melanggar seksyen 4, AP 2010 dengan menetapkan harga penjualan dan pembelian kayu getah kecil. Walaubagaimanapun, siasatan Suruhanjaya mendapati bahawa tiada pelanggaran atas sebab bukti yang tidak mencukupi.

- Avery Dennison Materials Sdn. Bhd. dan UPM Raflatac Sdn. Bhd.**

Suruhanjaya telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap Avery Dennison Sdn. Bhd. dan UPM Raflatac Sdn. Bhd. pada 7 Februari 2017. Perusahaan tersebut disyaki

telah melanggar Seksyen 4, AP 2010 dengan menetapkan harga berhubung dengan pembuatan serta pembekalan bahan label dan pembungkusan (atau dikenali sebagai stok label).

### Aku janji (Seksyen 43)

Pada 25 September 2017, Suruhanjaya telah menerima aku janji daripada 13 pengusaha-pengusaha pasir di Kelantan berkaitan dengan dakwaan berkenaan perjanjian penetapan harga pasir bagi jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Machang.

Perusahaan-perusahaan tersebut memberikan Aku Janji untuk memansuhkan senarai harga pasir yang telah dikeluarkan pada 10 Januari 2017 dan memberhentikan apa-apa perlakuan anti-persaingan lain berkaitan dengan pengeluaran senarai harga tersebut serta mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai aku janji yang telah dibuat.

Suruhanjaya telah berjaya menyelesaikan kes berkaitan dengan penetapan harga pasir yang akan memberi manfaat kepada pengguna khususnya rakyat negeri Kelantan.

### Surat Amaran

Surat amaran secara bertulis telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada perusahaan Avery Dennison Materials Sdn. Bhd. dan UPM Raflatac Sdn. Bhd. pada tahun 2017 yang disyaki melakukan penetapan harga dan dikhuatiri menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan.

### Rayuan

Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) memutuskan untuk menyokong keputusan MyCC berkenaan perlanggaran Akta Persaingan 2010 oleh MyEG Services Bhd (bersama dengan MyEG Commerce Sdn. Bhd.) dan Prompt Dynamics Sdn. Bhd.

## Statistik Penyiasatan dan Penilaian 2017


Suruhanjaya telah menjalankan penyiasatan dan penilaian terhadap perusahaan di Malaysia mengikut peruntukan undang-undang seperti yang telah digariskan dalam AP 2010. Ringkasan penyiasatan dan penilaian tersebut adalah seperti berikut:



Jumlah aduan yang diterima oleh Suruhanjaya sejak penguatkuasaan Akta 712								
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	Jumlah Terima	Jumlah Tutup
Aduan	8	69	80	75	51	64	347	311
Inisiatif MyCC	2	10	13	6	9	6	46	41
Arahan Menteri	1	2	3	1	3	0	10	10

### Aduan

Tindakan penguatkuasaan undang-undang oleh Suruhanjaya turut bergantung kepada aduan yang diterima daripada orang ramai. Sesiapa sahaja yang mempunyai sebarang sebab untuk mengesyaki mana-mana syarikat, pesaing, pembekal, pelanggan, individu atau lain-lain pihak melakukan sebarang tindakan yang bersifat anti-pesaingan, aduan boleh dipanjangkan kepada Suruhanjaya dengan:



## KAJIAN SEMULA PASARAN

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah menyiapkan dua kajian semula pasaran mengenai sektor farmaseutikal dan bahan binaan industri pembinaan di bawah Akta Persaingan 2010. Kajian ini adalah penting untuk Suruhanjaya memahami struktur pasaran dan potensi amalan anti-persaingan dalam mana-mana pasaran yang diliputi oleh Akta.

Suruhanjaya bertindak menjalankan kajian semula pasaran mengenai farmaseutikal kerana harga ubat-ubatan semakin meningkat dan pengguna tidak mempunyai pilihan tetapi terpaksa membeli walaupun dengan harga yang tinggi. Suruhanjaya menjalankan kajian pasaran mengenai bahan binaan ini disebabkan oleh kebimbangan yang dibangkitkan oleh agensi-agensi kerajaan mengenai peningkatan kos sara hidup dan harga rumah yang semakin meningkat di Malaysia.

Jawatankuasa Pemandu dan Teknikal, yang terdiri daripada wakil dari agensi kerajaan, persatuan, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan, telah ditubuhkan untuk membantu dalam kajian pasaran.

Draf laporan jawatankuasa diterbitkan di laman web Suruhanjaya untuk mendapatkan maklumbalas daripada orang ramai. Beberapa sesi rundingan awam juga diadakan di seluruh negara untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk berkongsi pendapat mereka.

Laporan akhir dari kedua-dua kajian pasaran telah diselesaikan pada 27 Disember 2017 dan boleh dilihat oleh orang awam di laman web Suruhanjaya ([www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)).

## PENGECUALIAN BLOK

Suruhanjaya telah memutuskan untuk memberikan pengecualian blok bagi perjanjian pelayaran tetap yang melibatkan Perjanjian Perkongsian Vesel (VSA) dan Perjanjian Perbincangan Sukarela (VDA) yang dibuat di Malaysia atau yang akan memberi kesan kepada perkhidmatan pelayaran tetap di Malaysia. Pengecualian ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa tiada unsur penetapan harga, pengesongan harga atau pengenaan tarif oleh mana-mana pihak ke atas pengguna perkhidmatan tersebut.

Permohonan untuk pengecualian blok VSA dan VDA telah dikemukakan oleh Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA) dan Persatuan Perkapalan Malaysia (SAM).

Selepas analisis dan pertimbangan maklumbalas yang diterima daripada orang awam, pihak-pihak berkepentingan industri dan kementerian-kementerian kerajaan yang berkaitan, Suruhanjaya telah memberikan Perintah Pengecualian Blok untuk tempoh dua tahun yang bermula pada 7 Julai 2017. Sebelum ini, Suruhanjaya telah memberikan pengecualian blok selama tiga tahun untuk perjanjian pelayaran tetap pada tahun 2014.

Salinan Gazet Persaingan (Pengecualian Blok bagi VSA & VDA berkenaan dengan Perkhidmatan Pelayaran Tetap) telah disediakan secara terbuka di laman web Suruhanjaya untuk rujukan awam.

## PROGRAM ADVOKASI

Pada tahun 2017, 27 program advokasi dijalankan di seluruh negara untuk sektor swasta dan awam dengan tujuan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan Akta Persaingan 2010 serta peranan Suruhanjaya.

### Sistem e-Pembelajaran: Program Pematuhan Persaingan untuk PKS

Program Pematuhan Persaingan, sebuah sistem e-pembelajaran, telah direka untuk meningkatkan pematuhan persaingan dan pengetahuan terhadap Akta Persaingan 2010 dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Program yang dilancarkan pada 6 Mac 2017 kini boleh digunakan oleh orang awam, profesional, pelajar, industri dan agensi-agensi kerajaan. Setiap peserta yang berjaya menyelesaikan modul akan menerima sijil.

### Forum Menangani Tipuan Bida dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan dalam Perolehan Awam



Forum ini yang merupakan salah satu inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Suruhanjaya untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pegawai perolehan awam mengenai peranan dan pelaksanaan Akta Persaingan 2010 telah diadakan pada 23 November 2017 di Putrajaya. Fokus utama forum adalah terhadap isu tipuan bida dan

penyalahgunaan kedudukan dominan yang berkaitan dengan perolehan awam.

Lebih 300 orang dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan di seluruh negara menghadiri acara tersebut. Penceramah utama forum termasuk wakil dari MyCC, Komisi Pengawas Persaingan Usaha (KPPU), Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

### Pertandingan Mahkamah Moot Kedua Undang-Undang Persaingan 2017 (MCCL2017)

Suruhanjaya telah mengadakan Pertandingan Mahkamah Moot mengenai Undang-Undang Persaingan yang ke-2 pada tahun 2017 di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pertandingan ini merupakan salah satu usaha berterusan Suruhanjaya untuk menggalakkan kesedaran dan meningkatkan pemahaman ke atas Akta 712 dalam kalangan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Pertandingan ini juga telah berjaya menarik penyertaan tujuh (7) pasukan dari empat universiti iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan UIAM. Pasukan dari UM telah dinobatkan sebagai pemenang MCCL2017.



## Persidangan Persaingan Malaysia 2017



Suruhanjaya telah menganjurkan Persidangan Persaingan Malaysia 2017 dengan tema "Competition Law: Breaking Norms, Managing Change" bertempat di Sunway Resort Hotel & Spa, Selangor. Persidangan yang dianjurkan oleh Suruhanjaya ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah. Persidangan ini merupakan salah satu inisiatif Suruhanjaya untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman pihak berkepentingan mengenai peranannya dalam menguatkuasakan Akta Persaingan 2010.

Persidangan yang dihadiri oleh 424 orang yang terdiri daripada wakil-wakil tempatan dari sektor swasta, pelajar institusi pengajian tinggi, akademik, firma undang-undang, persatuan perniagaan, pertubuhan bukan kerajaan dan agensi kerajaan serta wakil antarabangsa dari Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Singapura, Hong Kong, Laos dan Pakistan. Persidangan ini berfungsi sebagai platform yang berkesan untuk pendedahan lebih mendalam terhadap dasar-dasar persaingan di mana pengetahuan dan pengalaman disampaikan secara langsung oleh para pakar yang relevan dalam perihal persaingan.



## Aktiviti Advokasi 2017

### 1 Mac:

Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 di Universiti Nilai, Nilai, Negeri Sembilan

### 6 – 7 Mac:

Persidangan Persaingan Malaysia, Bandar Sunway, Selangor

### 8 – 9 Mac:

Persidangan Persaingan ASEAN ke-7, Bandar Sunway, Selangor

### 7 Mac:

Mesyuarat dengan Ketua Pendaftar dan Hakim-hakim lain, Putrajaya

### 24 Mac:

Mesyuarat mengenai AP2010 dengan Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang, Bank Negara Malaysia

### 10 April:

Sesi mengenai AP2010 dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan di Pejabat MyCC

### 5 Mei:

Perbincangan mengenai AP2010 dan Isu-isu Persaingan dalam Sektor Kesihatan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya

### 14 Mei:

Taklimat mengenai AP2010 sempena Capacity Intellectual Intensive Course, Terengganu

### 14 Mei:

Taklimat mengenai AP2010 untuk pegawai KPDNKK Negeri Terengganu

### 15 Mei:

Sesi Taklimat mengenai AP2010 kepada Pihak Industri (Money Services Business), Bank Negara Malaysia

### 16 Mei:

Seminar Penguatkuasaan AP2010 bersama Toyo Tires Malaysia Sdn. Bhd Shah Alam, Selangor

### 22 Mei:

Taklimat mengenai AP2010 untuk pegawai KPDNKK Negeri Pulau Pinang

### 12 Julai:

Taklimat mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan AP2010 di ILKAP, Bandar Baru Bangi, Selangor

**9 Ogos:**

Taklimat mengenai AP2010 untuk Harta Packaging Industries (Selangor) Sdn Bhd, Nilai, Negeri Sembilan

**7 September:**

Taklimat mengenai Undang-undang Persaingan di Malaysia: An Emerging Practice Area untuk Majlis Peguam Malaysia, Kuala Lumpur

**19 September:**

Persidangan MACS - Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010: Kepentingan kepada Perniagaan, Kuala Lumpur

**12 Oktober:**

Seminar untuk PKS - Perniagaan Lebih Baik dengan Pematuhan terhadap Akta Persaingan, Kuala Lumpur

**28 – 30 Oktober:**

Taklimat mengenai penguatkuasaan AP2010 untuk Pertandingan Mahkamah Moot Kedua Undang-Undang Persaingan 2017 (MCCL2017), Kuala Lumpur

**7 November:**

Seminar Prosedur Penyiasatan di bawah Akta Persaingan 2010, Shah Alam, Selangor

**8 November:**

Kuliah di UKM - Akta Persaingan 2010: Pelanggaran dan Anda, UKM Bangi, Selangor

**17 November:**

Forum berkaitan Undang-undang Persaingan dan Cabaran Inovasi, Taylor's University, Subang Jaya, Selangor

**19 November:**

Seminar Pematuhan dan Penguatkuasaan AP2010, Kota Bharu, Kelantan

**23 November:**

Forum Menentang Tipuan Bida dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan dalam Perolehan Awam di bawah AP2010, Putrajaya

**28 November:**

Seminar untuk PKS – Perniagaan Lebih Baik dengan Pematuhan terhadap Akta Persaingan, Kuching, Sarawak

**29 November:**

Seminar untuk PKS - Perniagaan Lebih Baik dengan Pematuhan terhadap Akta Persaingan, Kota Kinabalu, Sabah

**5 Disember:**

Sesi Kesedaran Pembekal bersama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Kuala Lumpur

## PROGRAM PEMBINAAN KAPASITI ANTARABANGSA



### Persidangan Persaingan ASEAN ke-7

Suruhanjaya menganjurkan Persidangan Persaingan ASEAN ke-7 dengan kerjasama ASEAN Australia New Zealand Free Trade Agreement Economic Cooperation Support (AECS), Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit dan Sekretariat ASEAN pada 8 - 9 Mac 2017 di Selangor.

Objektif persidangan yang dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya dan agensi-agensi kerajaan, negara anggota ASEAN serta pakar-pakar antarabangsa dan tempatan, adalah untuk mendedahkan para peserta kepada perkembangan dasar persaingan dan undang-undang ASEAN dan mengukuhkan kerjasama antara agensi persaingan dalam rantau ini.



### Bengkel Strategi dan Teknik Penyiasatan bagi Menentang Kartel Tipuan Bida

Bengkel yang telah diadakan pada 25 - 26 April 2017 di Kuala Lumpur merupakan hasil kerjasama antara Suruhanjaya, Komisi Pengawas Persaingan Usaha (KPPU) dan Japan-ASEAN Integrated Fund (JAIF). Peserta bengkel termasuk pakar persaingan daripada Japan Fair Trade Commission (JFTC) dan pegawai dari agensi-agensi persaingan ASEAN.

Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kefahaman mengenai teknik penyiasatan yang digunakan oleh agensi-agensi persaingan dalam memerangi pelbagai jenis kartel tipuan bida serta menyediakan latihan untuk hakim dan badan rayuan serta pada masa yang sama menjalin hubungan yang lebih kukuh dengan agensi penguatkuasaan lain dan jabatan-jabatan kerajaan.

## Penyertaan di dalam Program Pembinaan Kapasiti Antarabangsa 2017

Pada 2017, Suruhanjaya menghadiri 30 program di peringkat antarabangsa. Program tersebut termasuk bengkel, seminar dan persidangan yang meliputi dasar dan undang-undang persaingan.

Kehadiran di program-program ini memberi manfaat kepada pegawai Suruhanjaya dari segi mendapatkan pengetahuan untuk melaksanakan undang-undang persaingan di Malaysia dan juga melalui pertukaran maklumat dan pengalaman dengan peserta lain.

### 11 – 13 Januari

Tokyo, Jepun: Kursus Latihan Promosi Penguatkuasaan Melintasi Sempadan di Rantau ASEAN

### 8 – 9 Mac 2017

Kuala Lumpur: Persidangan Persaingan ASEAN ke-7

### 7 – 9 Februari

Brunei: Bengkel CLIP – Amalan Ekonomi Persaingan

### 27 Mac - 12 Mei 2017

New Zealand: Peminjaman Pegawai ke Suruhanjaya Perdagangan New Zealand (NZCC)

### 20 – 21 Februari

Na Thrang, Vietnam: Menggunakan Penilaian Persaingan untuk Menghapuskan Halangan Perdagangan dalam Perniagaan Barang dan Perkhidmatan

### 26 – 27 April 2017

Kuala Lumpur: Bengkel Tipuan Bida - KPPU & JAIF

### 22 – 23 Februari

Na Thrang, Vietnam: Bengkel Ekonomi Dasar Persaingan

### 23 – 25 Mei 2017

Sydney, Australia: Bengkel Undang-Undang Persaingan – Peraturan Persaingan dan Sektor Farmaseutikal

### 24 – 25 Februari

Na Thrang, Vietnam: Seminar Kuasa Penyiasatan Agensi Persaingan

### 20 -22 Jun 2017

Vietnam: Kelas Induk Penyiasatan (KPPU, MyCC, PCC, VCA) (Module 3)

### 2 – 3 Mac

Singapura: Forum 'GCR Live Annual Asia-Pacific Law Leaders' ke-6

### 1 – 2 Julai 2017

Auckland, New Zealand: Bengkel 'Leniency Programs'

**3 Julai – 30 Ogos 2017**

Jakarta, Indonesia: Program Pertukaran Kaitangan (KPPU-MyCC)

**9 – 10 October 2017**

Singapura: Bengkel Perbandingan Undang-Undang Persaingan ASEAN

**27 – 28 Julai 2017**

Manila, Philippines: Pembinaan Kapasiti: Dasar dan Undang-Undang Persaingan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

**24- 26 October 2017**

New Delhi, India: Bengkel Undang-Undang Persaingan: Amalan Terbaik Prosedur Kartel

**10 Julai – 15 September 2017**

Canberra, Australia: Peminjaman ke Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC)

**24 – 25 October 2017**

Jakarta, Indonesia: Forum Persaingan Jakarta ke-2 (2JICF): Inovasi Disruptif, Dasar Persaingan & Cabaran untuk Pasaran Baru

**16 -17 Ogos 2017**

Singapura: Buku Panduan dan Bengkel Serantau mengenai e-Perdagangan dan Persaingan

**26 -27 October 2017**

Yangon, Myanmar: Bengkel 'ASEAN Consumer Protection Policy and Law Interface'

**21 – 26 August 2017**

Bandung, Indonesia: Kursus Latihan ke-2 JAIF: Meningkatkan Penglibatan Serantau dalam Penguatkuasaan Persaingan antara Jepun dan ASEAN

**31 October – 3 November 2017**

Istanbul, Turki: Persidangan Ulangtahun ke-20 Lembaga Persaingan Turki (Sidang Kemuncak Persaingan)

**13 – 15 September 2017**

Ulaanbaatar, Mongolia: Bengkel Undang-Undang Persaingan – Menentang Tipuan Bida. Dihoskan bersama dengan AFCCP

**14 – 17 November 2017**

Seoul, Korea Selatan: Kajian Pasaran & Tinjauan Dasar Persaingan Bengkel Dasar Persaingan Antarabangsa ke-21

**26 -27 September 2017**

Singapura: Seminar Analisis Ekonomi dalam Penguatkuasaan Persaingan

**15 -16 November 2017**

Jakarta, Indonesia: Analisis Persaingan e-Perdagangan

### 23 -24 November 2017

Bagan, Myanmar: Bengkel Peraturan Penerbangan dan Persaingan ASEAN

### 6 – 8 December 2017

Tokyo, Jepun: Kursus Latihan Meningkatkan Keberkesanan Pihak Berkuasa Persaingan dalam Penguatkuasaan dan Advokasi

Paris, Perancis: Forum Persaingan Sedunia OECD

## Program Pertukaran Kakitangan

Pada tahun 2017, Suruhanjaya telah menyertai program pertukaran kakitangan dengan New Zealand, Indonesia dan Australia dengan matlamat menangani isu dan kes persaingan.

- Program Pertukaran Kakitangan antara Suruhanjaya dan Komisi Pengawas Persaingan Usaha (KPPU)**

Dibawah program ini, seorang pegawai dari KPPU Indonesia telah dihantar ke Suruhanjaya untuk membantu penyiasatan kes tipuan bida. Tugasan beliau dengan Suruhanjaya telah dilanjutkan sehingga akhir November 2017.

Seorang pegawai dari MyCC telah dihantar ke KPPU dengan matlamat memupuk kerjasama dalam penguatkuasaan antara kedua-dua organisasi.

- Pegawai Suruhanjaya Ditugaskan di Suruhanjaya Perdagangan New Zealand (NZCC)**

Pegawai dari Suruhanjaya telah dihantar ke Suruhanjaya Perdagangan New Zealand dari 27 Mac hingga 12 Mei 2017.

Bidang yang diliputi dalam program termasuk penyiasatan kartel, program kelonggaran, teknik wawancara, pengumpulan dan penanganan bukti, teknik analisis, pengutamaan kes dan program dan alat pembinaan kapasiti dalaman. Pendedahan dari program ini telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai untuk

mengendalikan kes kartel dan menjalankan program kelonggaran. Program ini juga membantu merancang pelan penguatkuasaan Suruhanjaya untuk tiga tahun akan datang.

- Pegawai Ditugaskan dengan Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC)**

Dua pegawai MyCC telah dihantar ke Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC) di Canberra dari 10 Julai - 15 September 2017.

Pegawai-pegawai bermanfaat daripada pengalaman pengendalian kes serta memperolehi pengetahuan mengenai struktur dan operasi ACCC. Mereka juga menghadiri Kursus Undang-Undang Persaingan dan Ekonomi di Universiti Melbourne di mana mereka dihantar ke bahagian penguatkuasaan dan penggabungan ACCC.



Pegawai Ditugaskan dengan Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC)



Program Pertukaran Kakitangan antara Suruhanjaya dan KPPU



Program Pertukaran Kakitangan antara Suruhanjaya dan KPPU



Pegawai ditugaskan dengan Suruhanjaya Perdagangan New Zealand (NZCC)

## MESUARAT ANTARABANGSA 2017

### 26 Februari

Na Thrang, Vietnam: Mesuarat Kumpulan Undang-Undang dan Dasar Persaingan

### 3 – 6 April

Yangon, Myanmar: Mesuarat Kumpulan Pakar Persaingan ASEAN ke-19 dan mesuarat berkaitan

### 31 Mei

Auckland, New Zealand: Mesuarat Jawatankuasa Persaingan AANZFTA keenam

### 19 -20 Julai

Bali, Indonesia: Mesuarat Sumbang Saran untuk Membangunkan Indeks Persepsi Perniagaan Persaingan ASEAN

### 28 – 30 Ogos

Manila, Filipina: Mesuarat mengenai Unsur-unsur Penting Rangka Kerja Kerjasama Serantau ASEAN mengenai Persaingan dan pertemuan tidak rasmi dengan Jawatankuasa Persaingan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN Australia New Zealand (AANZFTA)

### 6 – 7 September

Bali, Indonesia: Mesuarat Pegawai Tertinggi Asia Timur mengenai Dasar Persaingan (EATOP) ke-13

### 26 – 27 September

Manila, Filipina: Mesuarat Sumbang Saran mengenai Pusat Penyelidikan Persaingan ASEAN

### 20 – 23 November

Bagan, Myanmar: Mesuarat Kumpulan Pakar ASEAN (AEGC) mengenai Persaingan ke-20 dan mesuarat berkaitan

## LAWATAN KERJA KE MyCC

Suruhanjaya telah menerima beberapa lawatan dari rakan-rakan dalam dan luar negara pada tahun 2017. Antara lain, tujuan lawatan adalah untuk memudahkan visi Suruhanjaya untuk menjadi pihak berkuasa persaingan utama di Malaysia melalui pertukaran pengetahuan dengan rakan-rakan sejawat.



### 9 Mac - Pihak Berkuasa Persaingan Turki

Delegasi pihak berkuasa persaingan Turki diketuai oleh presidennya, Prof. Dr. Omer Torlak. Tujuan lawatan adalah untuk mengeratkan hubungan antara kedua-dua organisasi.

### 8 April - Institut Hal Ehwal Korporat India

Institut Hal Ehwal Korporat India, sebuah institusi pemikir dan pembinaan kapasiti di bawah Kementerian Hal Ehwal Korporat, India, mengawal perkara persaingan di negara ini. Lawatan ini membolehkan Suruhanjaya untuk mendapatkan pandangan mengenai perkara persaingan daripada perspektif IICA itu.



### 19 Disember - Duta Kesatuan Eropah

Duta Kesatuan Eropah ke Malaysia, Puan Maria Castillo Fernandez, melawat Suruhanjaya bertujuan meningkatkan hubungan dan mengukuhkan kerjasama Kesatuan Eropah dan Malaysia.

## PUBLISITI DAN PERHUBUNGAN AWAM

Pelbagai aktiviti publisiti dan promosi telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2017 dalam meningkatkan tahap kesedaran perusahaan-perusahaan tentang kepentingan wujudnya aktiviti persaingan didalam sesuatu perniagaan. Pada tahun 2017, inisiatif yang telah dijalankan termasuklah penglibatan di dalam beberapa program publisiti seperti menjalankan pameran, temubual dan wawancara di media massa dan juga latihan kepada media akan fungsi dan peranan Suruhanjaya.

Suruhanjaya juga telah mengeluarkan kenyataan akhbar melalui media cetak dan elektronik tentang kes-kes dan isu-isu yang melibatkan persaingan serta melakukan publisiti di atas talian melalui media sosial dan portal rasmi Suruhanjaya. Suruhanjaya juga telah menerbitkan buku-buku panduan dan brosur berkaitan dengan Akta Persaingan 2010 supaya perusahaan dan orang awam dapat mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan Akta Persaingan 2010.

### PENGLIBATAN DI DALAM PROGRAM KEMENTERIAN DAN AGENSI

Suruhanjaya telah terlibat didalam program-program yang dikendalikan oleh Kementerian dan agensi-agensi dibawahnya. Pada tahun 2017, terdapat lebih kurang 22 program yang telah disertai oleh Suruhanjaya.

- Karnival ONE SSM Johor
- Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM ke-15
- Karnival Youngpreneurs Go! Sarawak 2017
- Global Innovation Index Conference
- Pameran Franchise International Malaysia (FIM) 2017
- Ceramah Capacity Intellectual Intensive Course (CIC) di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Tahun 2017
- Pameran Sempena Karnival Youngpreneurs, Go! Perlis 2017
- Karnival ONE SSM Pulau Pinang
- Hari Harta Intelek
- Majlis Pelancaran Hari Koperasi Negara 2017 Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Negeri Perak
- Karnival ONE SSM Kuantan Pahang
- Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Melaka 2017
- SSM Conference 2017
- Hari Koperasi Negara Peringkat Wilayah Persekutuan 2017
- Fiesta Getthiss.com
- Karnival ONE SSM Melaka
- Karnival dan Malam Gala Varsity Entrepreneurship Skills & Talents (VEST) 2017
- Program Kepenggunaan Dan Kesejahteraan Negaraku KPDKKK 2017
- Ekspresi Negaraku Kedah
- Ekspresi Negaraku Kuala Kangsar
- Ekspresi Negaraku Melaka
- Fiesta Sukan Larut 2017
- Karnival Jualan Mega 2017

## LAIN-LAIN PROGRAM OLEH SURUHANJAYA

Bagi mengukuhkan lagi publisiti dan perhubungan awam Suruhanjaya, beberapa program seperti Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim dan Forum Perdana Ehwal Islam dengan kerjasama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah diadakan. Suruhanjaya juga telah memberi latihan dan pendedahan kepada pihak media akan fungsi dan peranan Suruhanjaya melalui sesi latihan media yang diadakan.



## TEMUBUAL DAN WAWANCARA

Suruhanjaya juga telah mengadakan beberapa siri temubual dan wawancara bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) di dalam program Selamat Pagi Malaysia, Akhbar Nanyang Siang Pau, Radio Traxx FM dan The Business Radio Station (BFM) tentang fungsi dan peranan Suruhanjaya di dalam menguatkuasakan Akta Persaingan 2010.



## KENYATAAN AKHBAR

Sebanyak 14 kenyataan akbar telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya berkaitan cadangan keputusan yang melibatkan MyEG, Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), aku janji pengusaha pasir Kelantan, Kajian Semula Pasaran, Pengecualian Blok dan program-program advokasi yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2017.

### TRIBUNAL

## MYEG FINED OVER RM6.4M

**Penalty for abuse of dominant position in renewal of workers' online permits**

RAHMAT KHARUL RJL  
KUALA LUMPUR  
news@nat.com.my

E-GOVERNMENT services provider MyEG Sdn Bhd has been fined more than RM6.4 million for abusing its dominant position in the renewal of foreign workers' online permits.

The Competition Appeal Tribunal (CAT) meted out the decision after dismissing an appeal by MyEG and its subsidiary, My E-Governance Sdn Bhd, against the decision of the Malaysia Competition Commission (MyCC) to impose a fine of RM6.4 million for abusing its dominant position in the renewal of foreign workers' online permit renewals.

MyCC said MyEG had imposed different terms and conditions for the same transactions with its competitors, which had harmed competition in the downstream market, in which MyEG Commerce was participating as an intermediary for foreign workers' online permit renewals.

CAT, presided by Tan Sri Halid Mohd Nor, said there were no compelling grounds for the tribunal to interfere with MyCC's decision.

"We are in view that MyCC rightly held that the appellants

had abused their dominant position, and thus we affirm MyCC's decision and order the appellants to pay penalties, which include a daily penalty of RM7,500 from 25 June 2010 to the date of CAT's decision yesterday."

MyCC, in a statement in June last year, said MyEG had violated the Competition Act 2010 by abusing its dominant position in harming competition in the downstream market, in which MyEG Commerce was participating as an intermediary for foreign workers' online permit renewals.

MyCC said MyEG had imposed different terms and conditions for the same transactions with its competitors, which had harmed competition in the downstream market in the sale of mandatory arrangements.

Its chief executive officer, Datuk Abu Samah Shabudin, said the commission was adamant that companies in a dominant position must not abuse their dominant position, as this could lead to a negative impact on consumers and

the national economy as a whole. "MyCC had previously investigated several dominant players, such as Megastore Sdn Bhd, Giga Nexus Sdn Bhd and Nexus Mega Carriers Sdn Bhd, in the steel and logistics industry."

"Although not all of these investigations resulted in financial penalties being imposed on the said parties due to non-infringement of the Competition Act, MyCC will continue, without fail, to ensure that we will be vigilant in ensuring competition law is adhered to, and will not hesitate to take firm action against those who violate the law."

He said the commission would also focus on investigating companies who worked hand-in-glove with cartel activities such as price fixing, setting trading conditions, way of remittance discounts and market allocation and sharing.

"Some of the companies investigated by the MyCC for cartel activities include players from various industries, including manufacturing, logistics and sand traders," he said.



Datuk Abu Samah Shabudin

## LAMAN WEB DAN MEDIA SOSIAL

Laman sesawang rasmi Suruhanjaya yang dilancarkan pada bulan September 2011 menjadi sumber maklumat dan rujukan utama berkaitan hal ehwal undang-undang persaingan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Suruhanjaya. Media sosial Suruhanjaya juga telah menjadi satu platform penting bagi menyebarkan maklumat terkini dan pantas kepada orang awam.

Media Sosial:



Laman Web Rasmi:

[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

## GALERI











# PENYATA KEWANGAN





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 19.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

#### **Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

#### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Persaingan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Suruhanjaya, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) untuk disimpan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713).

### Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

  
(MOHD NASRI BIN MOHD NASIR)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
21 OGOS 2018






**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA  
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Kami **DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH** dan **MOHD HASSAN BIN AHMAD** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** pada **31 DISEMBER 2017** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,

  
**DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH**  
PENGERUSI  
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

  
**MOHD HASSAN BIN AHMAD**  
ANGGOTA  
SURUHANJAYA PERSAINGAN  
MALAYSIA

TARIKH: 14 OGOS 2018  
TEMPAT:KUALA LUMPUR

TARIKH: 14 OGOS 2018  
TEMPAT:KUALA LUMPUR



**PENGAKUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Saya, ISKANDAR BIN ISMAIL, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
 diakui oleh penama di atas )  
 KUALA LUMPUR )  
 di ..... )  
 pada ..... )  
 14 AUG 2018 )

  
**ISKANDAR BIN ISMAIL**  
 PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,  
 SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA



Suruhanjaya Persaingan Malaysia  
 Malaysia Competition Commission (MyCC)  
 Level 15, Menara 55M @ Sentral,  
 No.7, Jalan Stesen Sentral 5,  
 Kuala Lumpur Sentral,  
 50623 Kuala Lumpur.  
 Tel: +603 2273 2277  
 Faks: +603 2272 1692  
[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2017**

	Nota	2017	2016
		RM	RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	<b>6</b>	919,240	1,066,940
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>919,240</b>	<b>1,066,940</b>
<b>ASET SEMASA</b>			
Deposit dan Prabayar	<b>7</b>	216,576	207,450
Faedah Terakru		482,400	496,056
Pelbagai Penghutang		72,201	23,663
Tunai dan Kesetaraan Tunai	<b>8</b>	19,431,100	23,031,854
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>20,202,277</b>	<b>23,759,023</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>21,121,517</b>	<b>24,825,963</b>
<b>EKUITI</b>			
Lebihan Terkumpul		18,064,057	24,082,504
<b>JUMLAH EKUITI</b>		<b>18,064,057</b>	<b>24,082,504</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Geran Kerajaan Tertunda		557,260	593,205
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b>557,260</b>	<b>593,205</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Akruan dan Peruntukan		46,108	-
Pembiutang	<b>9</b>	2,454,092	150,254
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>2,500,200</b>	<b>150,254</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>3,057,460</b>	<b>743,459</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>21,121,517</b>	<b>24,825,963</b>

## SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)

### PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM	2016 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Pemberian daripada Kerajaan	10	2,755,746	4,518,955
Faedah Simpanan Tetap	11	772,086	811,881
Yuran Permohonan Pengecualian		100,000	-
Faedah Bank		20,017	12,508
Yuran Seminar		417,648	57,226
Denda dan Hukuman		152,042	674,882
Sumbangan Pelbagai		2,500	-
Pelarasian Hapus Kira Pemiutang		10,000	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>		<b>4,230,039</b>	<b>6,075,452</b>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen		4,161,571	3,223,398
Perjalanan dan Penginapan		154,567	109,547
Utiliti dan Komunikasi		243,329	86,747
Sewa		1,043,179	1,005,561
Susutnilai	6	328,974	249,825
Perbelanjaan Pentadbiran	12	129,570	214,862
Perbelanjaan Perkhidmatan		327,520	719,355
Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya		560,553	594,284
Keraian, Honorarium dan Sumbangan		38,947	46,790
Perbelanjaan Pembangunan	13	1,974,330	1,209,455
Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Pasaran Dan E-Learning Program	14	1,285,946	106,795
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>10,248,486</b>	<b>7,566,619</b>
<b>Kurangan Pendapatan Sebelum Cukai</b>		<b>(6,018,447)</b>	<b>(1,491,167)</b>
<b>Cukai Pendapatan</b>	15	-	-
<b>KURANGAN PENDAPATAN</b>		<b>(6,018,447)</b>	<b>(1,491,167)</b>

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)****PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	<b>Lebihan Terkumpul</b> <b>RM</b>
<b>Pada 1 Januari 2016</b>	<b>25,573,671</b>
Kurangan Pendapatan	(1,491,167)
<b>Baki pada 31 Disember 2016</b>	<b>24,082,504</b>
Kurangan Pendapatan	(6,018,447)
<b>Baki pada 31 Disember 2017</b>	<b>18,064,057</b>

## SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	2017 RM	2016 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>		
Kurangan Pendapatan	(6,018,447)	(1,491,167)
Pelarasan:		
Susutnilai	328,974	249,825
Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Bank	(772,086)	(811,881)
<b>KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA</b>	<b>(6,461,559)</b>	<b>(2,053,223)</b>
(Pertambahan) / Pengurangan Deposit dan Prabayar	(9,125)	6,379
(Pertambahan) / Pengurangan Pelbagai Penghutang	(48,538)	2,832
Pertambahan Pelbagai Pemiutang	2,314,001	608,647
<b>TUNAI BERSIH DIGUNAKAN BAGI AKTIVITI OPERASI</b>	<b>(4,205,221)</b>	<b>(1,435,365)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(181,274)	(231,585)
Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Bank Diterima	785,741	425,318
<b>TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>604,467</b>	<b>193,733</b>
<b>PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	<b>(3,600,754)</b>	<b>(1,241,632)</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	<b>23,031,854</b>	<b>24,273,486</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>19,431,100</b>	<b>23,031,854</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:</b>		
Wang Tunai dan Baki Bank	1,342,843	4,034,466
Simpanan Tetap	18,088,257	18,997,388
	<b>19,431,100</b>	<b>23,031,854</b>

## **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

### **1 Maklumat Am**

- 1.1 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Suruhanjaya Persaingan Malaysia merupakan agensi di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dan merupakan satu badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Pada setakat 31 Disember 2017, Suruhanjaya ini menempatkan seramai 63 orang pegawai.
- 1.2 Suruhanjaya Persaingan Malaysia beroperasi di alamat Level 15, Menara SSM @ Sentral No.7, Jalan Stesen Sentral 5, 50623 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan.
- 1.3 Penyata Kewangan Suruhanjaya adalah bagi tempoh bermula 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017.
- 1.4 Semua dasar perakaunan yang digunakan adalah bersamaan dengan dasar-dasar asas perakaunan.
- 1.5 Mata Wang fungsian Suruhanjaya adalah Ringgit Malaysia (“RM”), di mana setiap operasi dan transaksi adalah dalam RM. Bagi tujuan penyata kewangan ia dicatatkan dalam RM, yang merupakan mata wang fungsian Suruhanjaya.

### **2 Aktiviti Utama**

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bertanggungjawab menjalankan fungsi-fungsi seperti melaksana dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, mengeluarkan garis panduan berhubung perlaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, bertindak sebagai penyokong untuk hal-hal berkaitan persaingan, menjalankan kajian am berhubung isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor ekonomi tertentu di Malaysia, memaklum dan mendidik orang awam berkenaan cara-cara yang mana persaingan boleh memberi faedah kepada pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

## SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 3 Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 telah diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya pada 14 Ogos 2018.

### 4 Dasar-dasar Perakaunan Utama

#### 4.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan ‘Malaysian Private Entities Reporting Standard’ (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

#### 4.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai mengikut asas garis lurus berdasarkan tempoh anggaran hayat seperti berikut ;

Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat dan perabot	10%
Buku	10%
Komputer	20%

#### 4.3 Susutnilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, aset akan dinilai sama ada terdapat sebarang tanda susutnilai aset. Sekiranya terdapat sebarang tanda sedemikian, anggaran bagi jumlah aset yang diperolehi semula akan dilakukan. Kerugian susutnilai akan diiktiraf jika jumlah dibawa sesebuah aset menjana tunainya melebihi jumlah aset yang diperolehi semula.

Jumlah yang diperolehi semula bagi sesuatu aset adalah nilai penggunaan dan harga jualan bersih yang lebih besar di mana ia diukur dengan menggunakan nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya.

## **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

#### **4 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)**

##### **4.3 Susutnilai Aset (bersambung)**

Kerugian susutnilai nilai akan dicaj pada penyata pendapatan, kecuali terdapat pembalikan susutnilai. Kerugian susutnilai ditimbal balik hanya diiktiraf apabila jumlah aset dibawa tidak melebihi jumlah yang mungkin ditentukan sekiranya tiada kerugian susutnilai.

##### **4.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap di institusi-institusi kewangan.

##### **4.5 Aset Kewangan**

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbang kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori : aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

##### **4.6 Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan sebuah urusniaga pembiayaan bagi Suruhanjaya kepada pengaturan.

## SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

#### 4 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)

##### 4.6 Liabiliti Kewangan (bersambung)

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori : liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

##### 4.7 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai dibawa bagi aset kewangan bagi menentukan samada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai yang diperolehi dengan membandingkan nilai dibawa dengan nilai yang boleh diperolehi. Nilai yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dan nilai gunapakai yang ditafsirkan menggunakan anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan. Nilai yang boleh diperolehi akan ditentukan bagi setiap aset atau sekiranya tidak dapat ia akan ditentukan melalui unit janaan tunai yang dimiliki oleh aset berkenaan.

Kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya berlaku.

Pembalikan rosot nilai aset yang diiktiraf pada tahun lepas akan direkodkan sekiranya terdapat petunjuk bahawa rosot nilai yang diiktiraf pada tahun lepas tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Pembalikan nilai tersebut akan direkodkan sehingga amau sebenar aset yang akan ditentukan (setelah ditolak susut nilai dan pelunasan nilai) sekiranya tiada kerugian susutnilai yang pernah direkodkan. Pembalikan nilai akan direkodkan terus di dalam penyata pendapatan.

##### 4.8 Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam pendapatan apabila perolehan geran akan diterima.

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi. Geran kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

## SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 4.9 Pengiktirafan Pendapatan

Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah mendapat pemberian belanja mengurus sebanyak RM1,469,800 (2016 : RM4,412,160) bagi menampung tanggungan kewangan dan menerima peruntukan belanja pembangunan bagi pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna sebanyak RM1,250,000 di mana RM1,000,000 adalah diperuntukkan bagi Kajian Pasaran Sektor Pembinaan dan RM250,000 bagi program E-Learning (2016 : RM700,000).

Pemberian daripada kerajaan yang diterima bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan dibuat serta diambil kira sebagai pendapatan apabila syarat geran telah dipenuhi.

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang.

Yuran Permohonan Pengecualian yang diterima adalah daripada entiti perniagaan yang memohon pengecualian daripada Akta Persaingan 2010.

Pendapatan faedah bank diiktiraf berasaskan akruan.

Yuran Seminar yang diterima adalah daripada pelaksanaan program seminar yang berkaitan dengan Akta Persaingan 2010.

Pendapatan Denda dan Hukuman merangkumi penalti kewangan yang dikenakan terhadap perusahaan atau syarikat atas pelanggaran syarat yang termaktub dalam Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Jumlah penalti kewangan dikenakan adalah tidak melebihi 10% daripada keseluruhan pendapatan perusahaan atau syarikat sepanjang tempoh pelanggaran berlaku.

## SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 4 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)

#### 4.10 Manfaat Pekerja

##### i. Manfaat Jangka Pendek

Gaji, elaun, imbuhan, insentif dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun perkhidmatan yang berkaitan diberikan kepada pekerja.

##### ii. Pelan Caruman Tetap

Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”) wajib dicarumkan mengikut perundangan di Malaysia. Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

#### 4.11 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Suruhanjaya akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

##### i. Risiko Kadar Faedah

Suruhanjaya membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

##### ii. Risiko Kredit

Suruhanjaya tidak berurus niaga secara kredit yang material dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kredit.

##### iii. Risiko Pertukaran Mata Wang Asing

Suruhanjaya tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

##### iv. Risiko Mudah Tunai

Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemah bagi meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan serta untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

## **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

### **4 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)**

#### **4.11 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (bersambung)**

##### **v. Risiko Tindakan Guaman**

Subseksyen 3(3) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) menyatakan Suruhanjaya boleh disaman atas namanya manakala Subseksyen 3(4) memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk membuat kontrak. Suruhanjaya boleh dikenakan tindakan guaman oleh pihak ketiga sekiranya Suruhanjaya melanggar kontrak atau mana-mana prosidur di bawah Akta 712 dan Akta 713.

#### **4.12 Cukai Pendapatan**

Selepas daripada tempoh pengecualian cukai pendapatan yang diterima oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia selama 5 tahun bermula dari tahun taksiran 2011 hingga 2015, Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah tertakluk bagi pembayaran cukai pendapatan yang diterima pada tahun 2017.

#### **4.13 Kemungkinan Luar Jangka**

Terdapat kemungkinan pemindahan manfaat ekonomi kepada pihak ketiga sekiranya rayuan dibuat terhadap keputusan Suruhanjaya. Oleh itu, maklumat kemungkinan luar jangka seperti yang diperlukan di bawah ‘Seksyen 21 Kemungkinan Luar Jangka’ tidak didedahkan atas alasan ia boleh menjelaskan keputusan prosiding guaman tersebut.

#### **4.14 Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)**

Setiap hasil, perbelanjaan dan juga aset diiktiraf bersih daripada GST. Jumlah GST tidak dituntut dan diiktiraf sebagai perbelanjaan atau sebahagian daripada kos perolehan aset.

## **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

#### **4 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)**

##### **4.15 Peruntukan**

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai tanggungan semasa hasil daripada peristiwa lampau dan ini memungkinkan aliran keluar sumber-sumber yang merangkumi faedah-faedah ekonomi akan diperlukan bagi menjelaskan tanggungan dan anggaran jumlah boleh dibuat. Peruntukan ditinjau semula pada tarikh penyata kewangan dan diubahsuai bagi menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Apabila kesan masa nilai wang adalah kebendaaan, peruntukan dipotong menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang ditunjukkan, jika berkenaan, risiko tertentu kepada liabiliti. Apabila potongan digunakan, peningkatan kepada peruntukan akibat daripada tempoh masa diiktiraf sebagai kos kewangan. Peruntukan untuk kos penstruktuan semula diiktiraf dalam tempoh di mana Suruhanjaya menjadi sah atau komited untuk membayar.

#### **5 Anggaran dan Penilaian Perakaunan**

##### **5.1 Anggaran Perakaunan**

Pengukuran aset dan liabiliti memerlukan pengurusan untuk membuat anggaran berdasarkan pemantauan dan andaian lain yang difikirkan wajar. Antara perkara yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran adalah dalam mengukur :

###### **i. Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan**

Kos Hartanah, Loji dan Peralatan disusut nilai yang menggunakan kaedah penyusutan garis lurus atau kaedah lain memberi kesan kepada manfaat ekonomi yang diperolehi sepanjang tempoh penggunaan hartanah,loji dan peralatan. Anggaran digunakan dalam membuat pemilihan kaedah susut nilai, hayat penggunaan dan nilai sisa hartanah,loji dan peralatan tersebut. Manfaat ekonomi sebenar yang digunakan daripada hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang dijangka dan ini boleh memberi kesan keuntungan atau kerugian sekiranya hartanah, loji dan peralatan tersebut dilupuskan.

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**5 Anggaran dan Penilaian Perakaunan (bersambung)**

**5.1 Anggaran Perakaunan (bersambung)**

**ii. Pengiraan Cukai Pendapatan**

Pertimbangan adalah penting dalam menentukan cukai semasa dan cukai tertunda Suruhanjaya oleh kerana cukai muktamad bagi Suruhanjaya secara keseluruhan adalah tidak menentu. Apabila keputusan akhir cukai yang perlu dibayar telah ditentukan oleh pihak berkuasa, jumlah berkenaan mempunyai kebarangkalian berbeza daripada anggaran awal cukai yang perlu dibayar. Perbezaan tersebut boleh memberi kesan kepada cukai semasa dan cukai tertunda pada tempoh pengiraan dibuat. Suruhanjaya akan mengambil kira perbezaan berkenaan samaada ia terlebih atau terkurang pada cukai semasa atau cukai tertunda dalam tempoh perbezaan tersebut dikenalpasti.

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**6 Hartanah, Loji dan Peralatan**

	Kenderaan Bermotor	Perabot dan Kelengkapan Pejabat	Buku	Komputer	Jumlah
Kos	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2017	669,366	254,434	276,313	867,479	2,067,592
Pertambahan Tahun Semasa	-	3,300	-	177,974	181,274
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember 2017	669,366	257,734	276,313	1,045,453	2,248,866
<b>Susutnilai Terkumpul</b>					
Baki pada 1 Januari 2017	512,883	90,989	96,810	299,970	1,000,652
Susutnilai Tahun Semasa	66,479	25,774	27,631	209,090	328,974
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember 2017	579,362	116,763	124,441	509,060	1,329,626
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>Nilai Buku Bersih</b>	90,004	140,971	151,872	536,393	919,240
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**6 Hartanah, Loji dan Peralatan (bersambung)**

<b>Kos</b>	<b>Kenderaan Bermotor</b>	<b>Perabot dan Kelengkapan Pejabat</b>	<b>Buku</b>	<b>Komputer</b>	<b>Jumlah</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada 1 Januari 2016	519,366	240,836	279,383	796,422	1,836,007
Pertambahan / (Pengurangan) Tahun Semasa	150,000	13,598	(3,070)	71,057	231,585
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember 2016	669,366	254,434	276,313	867,479	2,067,592
<b>Susutnilai Terkumpul</b>					
Baki pada 1 Januari 2016	402,040	65,546	70,019	213,222	750,827
Susutnilai Tahun Semasa	110,843	25,443	26,791	86,748	249,825
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember 2016	512,883	90,989	96,810	299,970	1,000,652
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>Nilai Buku Bersih</b>	<b>156,483</b>	<b>163,445</b>	<b>179,503</b>	<b>567,509</b>	<b>1,066,940</b>

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

	<b>2017</b>	<b>2016</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>7 Deposit dan Prabayar</b>		
Deposit elektrik	73,931	71,850
Lain-lain deposit dan cagaran	142,622	131,380
Prabayar	23	4,220
Jumlah Deposit dan Prabayar	<u>216,576</u>	<u>207,450</u>
	<b>2017</b>	<b>2016</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>8 Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>		
<b>a) Wang Tunai dan Baki Bank</b>		
Tunai dalam tangan	2,701	3,210
Akaun Semasa CIMB (Mengurus)	449,050	3,172,347
Akaun Semasa CIMB (Pembangunan)	891,092	858,909
	<u>1,342,843</u>	<u>4,034,466</u>
<b>b) Simpanan Tetap</b>		
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	13,943,961	14,472,047
Malaysia Building Society Berhad	4,144,296	4,525,341
	<u>18,088,257</u>	<u>18,997,388</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai	<b><u>19,431,100</u></b>	<b><u>23,031,854</u></b>
	<b>2017</b>	<b>2016</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>9 Pemutang</b>		
Pemutang - Lain-Lain	181,892	150,254
Pemutang - MyEG	2,272,200	-
Jumlah Pemutang	<u>2,454,092</u>	<u>150,254</u>

Pemutang berjumlah RM 2,272,200 merupakan bayaran denda yang telah diputuskan ke atas MyEG.

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

	2017	2016
<b>10 Pemberian daripada Kerajaan</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Geran Mengurus	1,469,800	4,410,000
Geran Pembangunan	1,285,946	106,795
Penyaluran Hadiah Program	-	2,160
	2,755,746	4,518,955

	2017	2016
<b>11 Faedah Simpanan Tetap</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	568,619	524,977
Malaysia Building Society Berhad	203,467	230,636
HwangDBS Investment Bank Berhad	-	56,267
	772,086	811,881

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah di antara 3.45% - 4.30% dan tempoh simpanan adalah di antara 1 hari hingga 12 bulan.

	2017	2016
<b>12 Perbelanjaan Pentadbiran</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Minyak Petrol	38,106	27,550
Perbelanjaan Pejabat	91,464	187,312
	129,570	214,862

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

	<b>2017</b>	<b>2016</b>
<b>13 Perbelanjaan Pembangunan</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Latihan Pembangunan Kapasiti	445,231	642,092
Program Advokasi	482,721	193,096
Penguatkuasaan dan Penyiasatan	129,790	3,250
Perancangan Media dan Komunikasi	625,113	278,539
Perundangan	110,993	92,478
Penyelidikan ( <i>Guidelines/Market Study</i> )	22,892	-
Pembangunan ICT dan Website	157,590	-
	1,974,330	1,209,455
<b>14 Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Pasaran dan E-Learning Program</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Kajian Pasaran Farmaseutikal	442,769	106,795
Kajian Pasaran Pembinaan	593,177	-
Program E-Learning	250,000	-
	1,285,946	106,795

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**15 Cukai Pendapatan**

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan ke atas kerugian sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai efektif pendapatan Suruhanjaya bagi tahun 31 Disember 2017 dan perbezaan bagi tahun sebelum adalah seperti berikut :

	<b>2017</b>	<b>2016</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Kerugian sebelum cukai	(6,018,447)	(1,491,167)
Cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun	(1,444,427)	(357,880)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak	78,954	59,958
Kerugian perniagaan yang boleh ditolak	1,365,473	297,922
	-	-

**16 Pihak Pengurusan Utama**

Pihak pengurusan utama merupakan mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan mengawal aktiviti-aktiviti Suruhanjaya secara langsung dan tidak langsung.

Jumlah emolumen dan elaun bagi pihak pengurusan utama bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan perbezaan bagi tahun sebelum adalah seperti berikut :

	<b>2017</b>	<b>2016</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Jumlah Emolumen dan Elaun	687,936	734,833
	687,936	734,833

## **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

### **17 Kes Perundangan**

Suruhanjaya telah memfailkan permohonan bagi semakan kehakiman terhadap keputusan Tribunal Rayuan Persaingan pada 3 Mei 2016 bagi kes Malaysian Airline System Berhad dan AirAsia Berhad. Tarikh pendengaran telah ditetapkan pada 22 Oktober 2018 dan 23 Oktober 2018.

Rayuan MyEG terhadap keputusan Suruhanjaya telah ditolak oleh Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) pada 28 Disember 2017. Pihak MyEG mempunyai 60 hari dari tarikh keputusan TRP untuk membayar denda atau mematuhi arahan-arahan Suruhanjaya yang telah dikekalkan oleh TRP. Walaubagaimanapun, Suruhanjaya telah memberi lanjutan pembayaran denda dan hukuman kepada MyEG pada atau sebelum 2 Julai 2018. Tarikh pendengaran semakan kehakiman telah ditetapkan pada 27 Ogos 2018.



**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION**

Level 15, Menara SSM @Sentral,  
7 Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Tel : +603-2273 2277  
Fax : +603-2272 2293 / 1692  
Email : [enquiries@mycc.gov.my](mailto:enquiries@mycc.gov.my)

**[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)**